

**AirAsia: Takziah Dan Moga Tabah Hadapi Ujian Besar - Najib
Bernama
Dec 30, 2014**

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Ucapan takziah dan sedih turut dikongsi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berikutan insiden pesawat AirAsia Indonesia penerbangan QZ8501 yang serpihannya dilaporkan ditemui hari ini.

Najib berharap misi pencarian akan terus dijalankan dalam apa jua keadaan selain meminta keluarga mangsa dapat menerima ujian yang besar itu dengan tabah.

"Kerajaan mewakili seluruh rakyat Malaysia melahirkan perasaan sedih dan juga ucapan takziah kepada keluarga mangsa tragedi walaupun ada yang belum ditemui.

"Saya harap segala usaha pencarian akan terus dijalankan dalam apa jua keadaan. Pada yang kehilangan orang tersayang harap tabah hadapi ujian yang sangat besar ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan Skuat Cuci Banjir Wanita Umno di Menara Datuk Onn di sini.

Pesawat Airbus 320-200 bersama 162 orang penumpang dan anak kapal berlepas dari Surabaya pada 5.35 pagi Ahad dan dijadualkan tiba di Singapura pada 8.20 pagi tetapi terputus hubungan dengan menara kawalan trafik udara Indonesia pada 7.24 pagi.

Penumpang dan anak kapal dalam pesawat itu terdiri daripada 155 warga Indonesia, tiga warga Korea Selatan dan masing-masing seorang warga Singapura, Malaysia, Britain dan Perancis.

Pihak berkuasa penerbangan Indonesia hari ini mengesahkan serpihan dan mayat yang ditemui di Pulau Jawa adalah daripada pesawat malang itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097034>